



(10 mac 2021) Sinar Harian, p. 10

Kes baharu Covid-19 terus menurun

Sebanyak 1,280 kes pada Selasa dengan sembilan kematian direkodkan

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

PUTRAJAYA



DR NOOR HISHAM

Angka kes baharu harian Covid-19 di Malaysia terus mencatatkan penurunan di bawah 2,000 empat hari berturut-turut dengan 1,280 kes direkodkan pada Selasa.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah itu membabitkan 1,278 kes tempatan dan dua kes import, menjadikan jumlah kumulatif kes positif wabak itu meningkat kepada 316,269.

"Selangor terus mencatatkan jumlah kes harian tertinggi iaitu 464, diikuti Johor 165 kes dan Pulau Pinang 143 kes.

"Selain itu Terengganu

turut merekodkan lonjakan kes baharu iaitu sebanyak 36 kes manakala Labuan dan Melaka pula tiada kes baharu dilaporkan," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, jumlah kes sembuh baharu dilaporkan sebanyak 2,345 menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh akibat melonjak kepada 296,379 atau 93.71 peratus daripada keseluruhan kes.

"Turut dilaporkan sembilan kes kematian baharu, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian akibat Covid-19 kini 1,186 kes.

"Jumlah kes yang berada di

unit rawatan rapi (ICU) ketika ini pula adalah seramai 155 orang termasuk 76 yang memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Sementara itu, sebanyak sembilan kluster baharu Covid-19 dikenal pasti pada Selasa dan daripada jumlah itu, enam membabitkan tempat kerja, dua komuniti dan satu kumpulan berisiko tinggi.

"Enam kluster tempat kerja itu ialah Tapak Binaan Jalan U-Thant, Kuala Lumpur, Tapak Bina Jalan Salak, Kuala Lumpur, Jalan Nusa Mega, Johor, Jalan Industri A1, Johor, Medan Bayan Lepas, Pulau Pinang dan Lorong Kilang, Selangor.

"Dua kluster komuniti pula membabitkan Jalan Setia Jaya, Johor dan Sungai Lembing, Pahang manakala kluster kumpulan berisiko ialah Amanjaya, Kedah," katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau turut memberitahu sebanyak 19 kluster baharu ditamatkan pada Selasa.



Menurutnya, ia menjadikan jumlah kluster ditamatkan setakat ini adalah 755.

"Kluster dengan kes tertinggi dalam kesemua kluster tamat hari ini (Selasa) adalah Kluster Persiaran Teknologi iaitu 297 kes, namun tiada kematian dilaporkan dalam kluster ini," katanya.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA


*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 9 Mac 2021

 **Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia**



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	316,269	PULIH:	296,379	ICU:	155	KEMATIAN:	1,186	KES BAHARU	+1,280
---------------------	---------	--------	---------	------	-----	-----------	-------	------------	--------



Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 314,989 kes kepada 316,269 kes